

Tuanku Muhriz bertitah  
sempena Hari Keputeraan  
Ke-76 baginda

Oleh NORAFIDAH ASSAN  
KUALA PILAH

# Tolak elemen negatif bagi jamin kesejahteraan rakyat

**Y**ang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan; Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir pada Ahad bertitah elemen negatif yang boleh mengganggu-gugat perpaduan dan keharmonian harus ditolak oleh semua ahli masyarakat.

Baginda bertitah, bagi menjamin kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan, kestabilan moral dan keharmonian sosial mengikut nilai-nilai agama harus terus diperkuatkan.

"Kita perlu berusaha untuk mengenali dan memahami adat serta budaya berbilang kaum di Malaysia.

"Oleh itu, beta menyeru kepada semua rakyat untuk mempertingkatkan tali persahabatan dan percampuran dalam kalangan masyarakat majmuk melalui pelbagai aktiviti seperti gotong-royong, sukan dan kunjungan rumah terbuka," titah baginda.

Tuanku Muhriz bertitah demikian pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Sembilan sempena Hari Keputeraan Ke-76 baginda di Istana Besar Seri Menanti di sini, pada Ahad.

Turut berangkat, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud.

Baginda dalam pada itu turut berpesan kepada semua agar sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan perubahan dari segi ekonomi, sosial mahupun iklim dunia.

"Beta telah disembah maklum bahawa kerajaan beta telah membuat persediaan dengan mengukuhkan pengurusan kerajaan melalui inovasi dalam pentadbiran dan mengaplikasikan teknologi terbaharu," titah baginda.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk

Seri Aminuddin Harun mendahului senarai 473 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kerajaan Negeri Sembilan sempena Hari Keputeraan Ke-76 Tuanku Muhriz pada Ahad.

Ahli Parlimen Port Dickson, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sikamat, itu dianugerahkan Darjah Seri Utama Negeri Sembilan (SUNS) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain pula dianugerahkan Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SSNS) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Istiadat pengurniaan darjah kebesaran Negeri Sembilan berlangsung di Istana Besar Seri Menanti di sini pada Ahad bagi sesi pertama manakala sesi kedua pada 22 dan sesi ketiga pada 29 Januari depan.

FOTO: BERNAMA



**Tuanku Muhriz menganugerahkan Darjah SUNS yang membawa gelaran Datuk Seri Utama kepada Aminuddin sempena ulang tahun hari keputeraan baginda Ke-76 yang diadakan di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah pada Ahad.**